

## Menang tapi Sathianathan masih tak puas hati

Oleh **Asrol Awang** - Mei 12, 2022 @ 6:22pm

[bhsukan@bh.com.my](mailto:bhsukan@bh.com.my)



Pemain Sri Pahang FC, Manuel Fedrico Hidalgo (kanan) diasak pemain Sarawak United FC pada aksi Liga Super di Stadium Darul Makmur, Kuantan semalam. Sarawak United menang 2-1. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang.

KUANTAN: Biarpun mencatat kemenangan 2-1 ke atas Sri Pahang FC dalam aksi Liga Super di sini, semalam, Ketua Jurulatih Sarawak United FC, B Sathianathan masih belum berpuas hati dengan prestasi sebenar skuad bimbingannya itu.

Bekas jurulatih skuad kebangsaan itu berkata skuad The Crocs perlu lebih agresif dan mantap jika mahu bersaing dengan pasukan lebih berpengalaman.

"Berdasarkan prestasi pada perlawanan ini (malam tadi), masih banyak yang perlu dipertingkatkan terutama daripada segi penguasaan bola. Bagi saya penguasaan bola

masih kurang dan pemain perlu lebih bersemangat untuk meletakkan Sarawak United pada kedudukan terbaik," katanya.

Mengulas lanjut kemenangan ke atas Sri Pahang itu, Satiananthan tetap memuji komitmen dan semangat juang yang dipersembahkan anak buahnya.

Katanya, walaupun keletihan, pemainnya berjaya memberikan persembahan menyakinkan terutama pada babak kedua perlawanan.

"Bermain 11 pemain berbanding tuan rumah dengan 10 pemain, ia memberi kelebihan kepada kami dan pemain berjaya mencatatkan kemenangan. Sebenarnya, babak kedua pemain baru mendapat rentak dan berjaya menjaringkan dua gol untuk mengutip tiga mata.

"Namun, kesilapan sama masih dilakukan bahagian pertahanan apabila Sri Pahang berjaya menjaringkan gol pada separuh masa pertama. Saya harap kesilapan ini tidak diulangi lagi pada perlawanan akan datang," katanya.

Pada perlawanan semalam, Sarawak United bangkit pada babak kedua apabila menjaringkan dua gol, masing-masing satu oleh Nur Shamie Iszuan Amin dan Uche Agba pada minit ke-54 dan 72.

Gol tunggal Sri Pahang dijaringkan penyerang import, Manuel Hidalgo pada minit ke-45.